

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peranan Rukun Tetangga (RT) perlu menjadi ejen dan penggerak usaha menyatupadukan rakyat kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.


Rakyat juga perlu mengenal pasti keperluan komuniti dan menangani isu sosial di kawasan setempat untuk melahirkan sebuah komuniti yang sejahtera supaya negara kita dapat merealisasikan agenda perpaduan nasional.

Muhyiddin berkata, empat Agenda Kerja KRT bertujuan meningkatkan keberkesanan inisiatif RT iaitu Agenda Kerja KRT Selamat yang akan digerakkan melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang berperanan untuk meronda dan mengawal mana-mana premis atau lokasi di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau berkata, Agenda Kerja KRT Sihat akan memberi penekanan kepada usaha membudayakan gaya hidup sihat dalam komuniti hasil kolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui program di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat.

"Agenda Kerja KRT Bersih dan Indah pula menumpukan kepada program pembersihan dan pengindahan di kawasan komuniti dengan sokongan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah pelaksanaan program Local Agenda 21.

"Agenda Kerja KRT Sejahtera untuk mengenal pasti kumpulan rentan seperti ibu tunggal, golongan kelainan upaya, warga emas dan golongan kurang berkemampuan dan memberi bantuan melalui pelaksanaan inisiatif seperti Projek



MUHYIDDIN berucap pada Majlis Pelancaran Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (RT) 2021-2030 dan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 secara maya, semalam.

8,274 KRT di seluruh Malaysia

Perdana Menteri lancar program Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030

Ekonomi Rukun Tetangga dan Program Sayangi Komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 yang diadakan secara maya, semalam.

Turut serta, Menteri Perpaduan Negara Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Muhyiddin berkata, pada masa ini terdapat 8,274 KRT di seluruh negara dengan keahlian seramai 248,220 orang.

"Saya menyambut baik peningkatan penubuhan

sejak dunia dilanda wabak Covid-19 lebih setahun yang lalu menyerlahkan kepentingan RT dalam kalangan masyarakat," katanya.

Pada majlis sama KRT Taman Pandan Mewah Hulu Langat Selangor dipilih sebagai pemenang bagi Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021.

Sebanyak lapan kategori dipertandingkan iaitu Jiran Wanita Terbaik yang dimenangi KRT Taman Pandan Mewah Hulu Langat, Selangor, Jiran Muda Terbaik (KRT Kampung Tempasak, Papar, Sabah) dan Projek Ekonomi Rukun Tetangga Terbaik yang dimenangi KRT Taman Intan 2, Kluang Johor.

Manakala Projek Inovasi Rukun Tetangga Terbaik milik KRT Taman Intan Delima Seberang Perai Selatan Pulau Pinang, Anugerah Taska Genius Perpaduan Terbaik (Taska Genius Perumahan Kakitangan Awam (PKA) Bukit Kuda Labuan), Anugerah Tabika Perpaduan Terbaik (Tabika Perpaduan Taman Cengal Seremban Negeri Sembilan), Skim Rondaan Sukarela Terbaik (SRS Taman Bukit Rambai, Melaka) dan Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik dimenangi KRT Taman Pandan Mewah Hulu Langat Selangor.



Cabaran yang kita hadapi sejak dunia dilanda wabak Covid-19 lebih setahun yang lalu menyerlahkan kepentingan RT dalam kalangan masyarakat"

Muhyiddin Yassin

KRT ini kerana ia adalah petunjuk baik yang membuktikan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan peranan RT.

"Cabaran yang kita hadapi